

# Presiden Keadilan ke ISNA, Ameri ka

30 Jun  
UM 26 JUN 2001

KUALA LUMPUR 25 Jun  
— Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah hari ini berlepas ke Amerika Syarikat (AS) untuk menghadiri persidangan Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) pada 30 Jun ini.

Timbalan Presiden Keadilan, Dr. Chandra Muzaffar ketika mengesahkan perkara itu berkata, Dr. Wan Azizah ditemani ahli keluarganya.

Beliau menjelaskan, Dr. Wan Azizah menghadiri persidangan tersebut untuk menyampaikan ucapan berhubung perkembangan terkini suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara.

"Beliau pergi sebagai individu dan bukannya mewakili parti. Perkara utama yang akan disentuh dalam ucapannya nanti adalah mengenai Anwar," katanya kepada Utusan di sini.

## Batal

Tahun lalu, atas alasan kononnya berlakunya pencabulan hak asasi manusia di Malaysia, ISNA membatalkan jemputannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyampaikan ucapan pada kongres persatuan itu.

Bagaimanapun, tindakan ISNA itu sama sekali tidak menjejaskan jadual lawatan empat hari Perdana Menteri ke Chicago ketika itu, berikutan beliau mempunyai jadual yang padat sepanjang berada di sana.

Antaranya, Dr. Mahathir menghadiri majlis penyampaian anugerah kepimpinan contoh LARIBA oleh American Finance House (AFH). LARIBA adalah singkatan untuk Los Angeles Reliable Investment Bankers Associates.

Sebelum itu, ISNA yang diwakili ramai cerdik pandai Islam di Amerika Utara sudah beberapa kali menjemput Dr. Mahathir memberi ucapan dan apabila Perdana Menteri bersetuju, mereka menarik kembali jemputan tersebut.